

**PENGGUNAAN FAIL HUFFAZ DALAM KAEDAH TAHFIZ  
AKHYAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN  
HAFAZAN SURAH AL-FATIAH TERHADAP MURID  
AUTISME *NON-VERBAL***

Zawiah binti abduallah<sup>1</sup>, Nazean Jomhari <sup>2</sup> & \*Norlidah Alias<sup>3</sup>

**ABSTRACT**

The objective of this study was to measure the usage of Huffaz File in Tahfiz Akhyar method and its relationships with the achievement of surah al-Fatihah for non-verbal autism students. This study involved three Non-Verbal Autism students with different backgrounds. The instrument used was continuous observation with the help of technical tools such as recording information about student behavior using instruments such as observation forms, electronic devices such as video recorders, cameras or audio recordings. The duration of this study was 14 weeks. The findings of the study showed that the Huffaz File Use In Tahfiz Akhyar method could help the achievement of surah al-Fatihah for non-verbal autism students. The achievement of memorizing the three samples varies according to their preferences and capabilities. Moreover, the three samples were interested in memorizing surah al-fatihah using the Huffaz File based on the achievement and scores obtained.

**Keywords:** *Huffaz File, Memorising surah al-Fatihah, Tahfiz Akhyar method, Non-Verbal Autism*

[1]  
Institut Pengajian Siswazah,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

[2]  
Fakulti Kujuruteraan Sains  
Komputer,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

[3]  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur  
*drnorlidah@um.edu.my*

## PENDAHULUAN

Menuntut ilmu adalah satu kewajiban yang dituntut dalam Islam agar manusia tidak berada dalam kejahilan dan kesesatan. Ilmu adalah cahaya yang akan menerangi jiwa manusia agar dapat membezakan di antara yang *hak* dan yang *batil*. Allah S.W.T telah menurunkan al-Quran sebagai panduan hidup manusia yang bersifat *syumul* iaitu menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia (R.Hidayat, C Wijaya, 2017). Allah telah menurunkan kitab suci al-Quran yang bersifat *syumul* iaitu menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dan bidang kehidupan manusia dalam kehidupan kita seharian. Bagi seorang muslim, bimbingan Islam ini mencukupi semua keperluannya kerana Islam telah mengatur kehidupan manusia dengan lengkap (Hasan & Zulkifli, 2013). Golongan Kurang Upaya (OKU) adalah merupakan ciptaan Allah yang diberikan kelebihan yang tertentu seperti golongan tipikal yang biasa yang perlu diberikan ruang dan peluang untuk mereka mempelajari al-Quran.

Justeru itu, pendidikan al-Quran perlu diberikan kepada golongan ini agar mereka dapat sama-sama merasakan indahnya hidup beragama. Pendidikan al-Quran kepada anak-anak istimewa perlu diterapkan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa dan guru yang berhadapan dengan anak-anak istimewa seharusnya membantu mereka untuk mendalami ilmu al-Quran. Era globalisasi kini, makin ramai golongan cerdik pandai yang mula menghasilkan pelbagai kaedah yang sesuai untuk digunakan pada golongan OKU terutamanya golongan masalah pembelajaran autisme *non-verbal*. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran juga bergantung kepada kapasiti dan peranan guru serta pendekatan pengajaran dan kaedah yang digunakan.

Usaha ini bermula dengan tertubuhnya Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) iaitu NGO Islam yang giat menjalankan usaha dakwah OKU khususnya kepada golongan berkeperluan khas Pendengaran dan Pembelajaran seperti golongan autisme, sindrom down, lambat dan pelbagai. Yayasan FAQEH turut membangunkan satu kaedah tahfiz akhyar untuk golongan OKU dalam memudahkan mereka untuk mengenal dan menghafaz al-Quran.

*Kaedah Tahfiz Akhyar* telah diperkenalkan sebagai kaedah menghafaz sesuatu bacaan sama ada ayat al-Quran, bacaan dalam solat, doa, zikir, selawat dan sebagainya dengan menggunakan kekuatan anak-anak istimewa berasaskan teori teknik Nabawi. Dalam kaedah ini terdapat 3 langkah yang digunakan iaitu mendengarkan, pemantapan hafazan dan penilaian. Penggunaan Bahan Bantu Belajar seperti fail huffaz dalam langkah pemantapan hafazan telah memberikan perkembangan yang baik kepada pencapaian hafazan murid autisme *non-verbal* kerana mereka mempunyai masalah pertuturan.

## PERNYATAAN MASALAH

Al-Quran telah diturunkan untuk semua. Golongan OKU juga tidak terlepas untuk menerima *mukjizat* al-Quran. Anak-anak istimewa seharusnya diberi peluang untuk mempelajari al-Quran. Kefahaman masyarakat sentiasa berlegar yang menyatakan bahawa kitab al-Quran hanya untuk golongan yang sempurna pancaindera sahaja namun kefahaman ini perlu diperbetulkan. Seajar dengan saranan Ariffin Mutalib, Sharifah Nadia dan Sohibatun Nur (2012) yang menyatakan bahawa setiap anak-anak mempunyai perkembangan dan kemahiran yang berbeza bagi setiap individu. Pendidikan perlu diberikan kepada anak-anak dari seawal usia bayi.

Namun, kaedah pembelajaran al-Quran bagi golongan OKU masih kurang diberikan perhatian. Maka, peranan ini perlu digalas oleh para pendidik untuk memberikan kefahaman al-Quran kepada mereka. Menurut Nurul Nadhrah Kamauzaman (2015) yang menyatakan bahawa guru perlu meneliti dan menilai sama ada bahan pengajaran dan bentuk Bahan Bantu Belajar (BBB) yang digunakan bersesuaian dalam sesebuah sesi pengajaran dan pembelajaran kerana keberkesanan bagi sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran akan terjejas sekiranya pemilihan alat bahan bantu mengajar tidak dibuat dengan betul. Secara amnya, kekurangan BBB, aras pengajaran dan penilaian yang kurang sesuai dengan kategori OKU, komunikasi, fasiliti mesra OKU, kesinambungan pembelajaran di rumah, peranan ibu bapa merupakan faktor yang menjadi kekangan kepada golongan ini dalam memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan (Ahmad Kamel et al 2008, Noornajihan et al. 2012, dan Norakyairee & Ab. Halim 2011). Pernyataan ini disokong oleh Baharudin Aris (2001) yang menyatakan bahawa keberkesanan bagi sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran akan terjejas sekiranya pemilihan alat

BBB dibuat dengan tidak betul dan para pendidik yang ingin menggunakan BBB perlu memikirkan beberapa aspek semasa membuat pemilihan BBB untuk mengajar (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010).

Justeru, dalam Kaedah Tahfiz Akhyar yang telah dibangunkan untuk memudahkan golongan murid autisme non-verbal bagi menghafaz ayat-ayat al-Quran. Kaedah Tahfiz Akhyar merupakan kaedah hafazan al-Quran yang baru dan masih belum dikaji keberkesannya secara terperinci oleh mana-mana pengkaji. Kaedah ini perlu di buat kajian kerana teknik-teknik yang terdapat didalam kaedah ini bersesuaian dengan keadaan murid autisme.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji penggunaan fail huffaz dalam kaedah tahfiz akhyar dan hubungannya dengan pencapaian hafazan surah al-fatihah terhadap murid autisme *non-verbal*.

### PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini ialah:

Bagaimanakan penggunaan fail huffaz dalam kaedah tahfiz akhyar dan hubungannya dengan pencapaian hafazan surah al-fatihah terhadap murid autisme *non-verbal*?

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian secara terus. Pemerhatian merupakan satu daripada kaedah mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dapat menyokong dapatan kajian. Melalui kaedah ini pengkaji telah memerhati keadaan dan pencapaian murid-murid yang hendak dikaji. Kebaikan menggunakan kaedah ini ialah segala kejadian boleh direkodkan semasa kejadian itu berlaku (Ahmad Mahzan Ayob, 1992). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian secara terus terhadap pencapaian murid dalam hafazan surah al-Fatihah dengan menggunakan fail huffaz.

Pengkaji dapat memerhatikan keadaan murid secara jelas semasa sesi hafazan surah yang dilakukan bersama guru. Penyelidik berfungsi sebagai pemerhati untuk mendapatkan maklumat yang dikumpul lebih dipercayai. Untuk tujuan ini, bantuan alatan teknikal seperti mencatatkan maklumat tentang perilaku murid dengan menggunakan alat instrumen seperti borang pemerhatian, alatan elektronik seperti perakam video, kamera atau pita rakaman audio. Bahan-bahan sokongan atau bantuan pemerhatian ini boleh digunakan sebagai sumber yang berguna untuk menganalisis data selepas pemerhatian.

Pengkaji membuat analisis data untuk mendapatkan markah skor bagi penilaian setiap murid. Semua skor akan direkodkan untuk menentukan tahap pencapaian murid. Skor maksimum dalam setiap penilaian adalah 100. Skor-skor yang diperoleh dikategorikan kepada tahap-tahap pencapaian iaitu sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1:

Jadual 5.1

*Skor Markah*

Skor	Pencapaian
80-100	Sangat baik
60-79	Baik
40-59	Sederhana
20-39	Lemah
0-19	Sangat lemah

## DAPATAN KAJIAN

Pengkaji menganalisis data dan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian iaitu:

*“Bagaimanakan penggunaan fail huffaz dalam kaedah tahfiz akhyar dan hubungannya dengan pencapaian hafazan surah al-fatihah terhadap murid autisme non-verbal?”*

### Fail Huffaz Kaedah Tahfiz Akhyar

Penyelidik mendapati bahawa penggunaan kaedah Tahfiz Akhyar telah membantu murid dalam menghafaz surah al-Fatihah dengan lebih mudah dengan bantuan BBB yang digunakan seperti fail huffaz dalam Gambar 6.1.

Penggunaan BBB yang menarik dan tidak membosankan sangat membantu murid dalam hafazan mereka. Fail huffaz yang dihasilkan menggunakan kertas adalah tahan lasak, tidak mudah rosak dan tidak mudah koyak. Saiz tulisan yang besar dan jelas juga membantu murid untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran tersebut. Menurut Darvina (2003), penggunaan media sebagai alat bantu bukan sahaja dapat menarik minat murid untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik, tetapi juga membantu meningkatkan pemahaman murid dan memudahkan pendidik menyampaikan ilmu. Penggunaan teknologi terbahagi kepada dua, iaitu sebagai peralatan dan proses pembelajaran. Dalam aspek peralatan, ia berlaku sebagai proses atau persediaan, manakala dalam proses pembelajaran pula, ia berlaku sebagai keseluruhan pengucapan, kaedah penyampaian ataupun penampilan. Hal ini menunjukkan bahawa keseluruhan peralatan dianggap sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran itu sendiri.

Gambar 6.1: Fail Huffaz



## PEMANTAPAN HAFAZAN

Kaedah Tahfiz Akhyar merupakan kaedah hafazan yang digunakan pada murid autisme non-verbal untuk menghafaz surah al-Fatihah mengikut peringkat agar bersesuaian dengan kemampuan dan kecenderungan mereka. Terdapat tiga langkah yang digunakan iaitu:

- Langkah 1: Perengarkan (*Talaqqi, Talqin, dan Tikrar*)
- Langkah 2: Pemantapan Hafazan (Fail Hufaz, dan aktiviti yang bersesuaian dengan murid)
- Langkah 3: Penilaian

Murid telah melalui lima peringkat untuk pemantapan hafazan mereka. Guru telah menggunakan BBB iaitu fail huffaz dalam proses hafazan surah al-Fatihah. Pengkaji dapat melihat tahap pencapaian murid melalui pemantapan hafazan mereka iaitu pada langkah ke dua ini. Setiap murid mempunyai kelebihan dan kemampuan yang tersendiri. Pengkaji menganalisa hasil dapatan ketiga-tiga murid melalui setiap peringkat. Jadual 6.1 di bawah menunjukkan lima peringkat pemantapan hafazan murid:

Jadual 6.1

### Peringkat dan bentuk hafazan

Peringkat	Bentuk Hafazan	Huraian
<b>Pertama</b>	Hafazan secara padanan	Murid akan diberikan kad ayat untuk dipadankan ayat yang sama
<b>Kedua</b>	Hafazan secara susunan bernombor	Murid akan menyusun kad ayat dengan susunan betul berbantuan nombor yang diberi.
<b>Ketiga</b>	Hafazan secara susunan	Murid akan menyusun kad ayat dengan susunan betul tanpa berbantuan nombor.
<b>Keempat</b>	Hafazan secara penulisan (sekiranya mampu menulis)	Sekiranya psikomotor halus murid dalam keadaan baik dan boleh menulis adalah digalakkan untuk diajar mereka menulis ayat.
<b>Kelima</b>	Hafazan secara sebutan separa (Mengikut kemampuan murid)	Tidak menekankan hukum tajwid malahan mengalakkan murid menyebut hafazan. Sebutan ketika ini tidak jelas dan murid akan mengikut rentak ayat hafazan sahaja.

### Peringkat pertama: Hafazan secara padanan

Pengkaji menganalisa hasil dapatan kajian menggunakan skor seperti Jadual 6.2 di bawah. Peratus kekerapan pengulangan surah al-Fatihah mempengaruhi tahap pemantapan hafazan murid dalam semua peringkat.

Jadual 6.2

### Jadual skor pencapaian

Skor	Pencapaian
<b>80-100</b>	Sangat baik
<b>60-79</b>	Baik
<b>40-59</b>	Sederhana
<b>20-39</b>	Lemah
<b>0-19</b>	Sangat lemah

Jadual 6.3

*Skor hafazan secara padanan mengikut ayat*

Murid	Skor						
	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5	Ayat 6	Ayat 7
M1	80	78	75	60	65	55	50
M2	70	60	65	55	50	42	39
M3	75	65	60	50	45	40	42

Jadual 6.4

*Purata keseluruhan Skor hafazan secara padanan mengikut ayat*

Murid	Skor	Pencapaian
M1	66.1	Baik
M2	54.4	Sederhana
M3	53.9	Sederhana

Jadual 6.3 menunjukkan skor hafazan secara padanan menggunakan fail huffaz mengikut ayat 1 hingga 7 daripada surah al-Fatihah. Ayat 1 daripada surah al-Fatihah mempunyai skor hafazan secara padanan yang paling tinggi bagi ketiga-tiga orang murid berbanding padanan bagi ayat-ayat yang lain. Ini kerana, ayat 1 bagi surah al-Fatihah merupakan ayat permulaan bagi semua surah yang lain dalam al-Quran. Maka, murid telah terbiasa dengan bentuk dan gambaran ayat tersebut.

Jadual 6.4 menunjukkan pencapaian baik bagi M1 dalam purata keseluruhan skor hafazan secara padanan mengikut ayat dengan 66.1% manakala pencapaian M2 dan M3 adalah sama iaitu sederhana tapi dengan kadar peratus yang sedikit berbeza. M1 dengan 54.3% dan M3 dengan 53.9%. Skor pencapaian ini amat dipengaruhi oleh tahap fokus murid ketika melakukan padanan seperti yang telah terangkan pada penerangan teknik hafazan di atas bahawa M1 mempunyai fokus yang lebih tinggi. Jadi, padanan ayat menjadi lebih mudah berbanding murid yang lain. M2 dan M3 mempunyai pencapaian sederhana kerana mereka tertukar pada beberapa padanan ayat.

#### Peringkat kedua: Hafazan secara susunan bernombor

Jadual 6.5

*Skor hafazan secara susunan bernombor*

Murid	Skor						
	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5	Ayat 6	Ayat 7
M1	90	85	86	88	75	70	66
M2	85	75	70	80	85	77	65
M3	80	76	80	85	80	75	55

Jadual 6.6

*Purata keseluruhan Skor hafazan secara susunan bernombor*

Murid	Skor	Pencapaian
M1	80.0	Sangat Baik
M2	76.7	Baik
M3	75.9	Baik

Jadual 6.5 menunjukkan skor hafazan secara susunan bernombor menggunakan fail huffaz mengikut ayat 1 hingga 7 daripada surah al-Fatihah. Jadual menunjukkan bahawa ketiga-tiga murid berminat pada hafazan susunan bernombor bagi kesemua ayat surah al-Fatihah. Terutamanya bagi Ayat 1 dan 4 ketiga-tiga murid mendapat pencapaian sangat baik berbanding ayat-ayat yang lain.

Purata keseluruhan Skor hafazan secara susunan bernombor menunjukkan bahawa murid M1 memperolehi pencapaian yang sangat baik dengan skor 80.0% manakala murid M2 dan M3 masing-masing mendapat

pencapaian baik. Ketiga-tiga murid menunjukkan minat yang tinggi ketika melakukan hafazan secara susunan bernombor. Bagi murid yang mengenali susunan nombor, ini menjadi satu kelebihan bagi mereka untuk lebih cepat dalam menyusun ayat hafazan. Langkah ini boleh membantu murid dalam langkah seterusnya apabila mereka telah terbiasa dengan susunan bernombor menggunakan fail huffaz.

#### Peringkat ketiga: Hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor

Jadual 6.7

*Skor hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor*

Murid	Skor						
	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5	Ayat 6	Ayat 7
<b>M1</b>	80	75	85	60	65	55	50
<b>M2</b>	70	75	80	65	55	45	40
<b>M3</b>	75	60	80	65	50	40	40

Jadual 6.8

*Purata keseluruhan Skor hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor*

Murid	Skor	Pencapaian
<b>M1</b>	67.1	Baik
<b>M2</b>	61.4	Sederhana
<b>M3</b>	58.6	Sederhana

Jadual 6.7 menunjukkan skor hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor menggunakan fail huffaz bagi ayat 1 hingga 7 daripada surah al-Fatihah. Ayat 3 daripada surah al-Fatihah mempunyai skor hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor yang paling tinggi bagi ketiga-tiga orang murid berbanding padanan bagi ayat-ayat yang lain. Ini kerana, ayat 3 bagi surah al-Fatihah merupakan ayat yang paling pendek dengan hanya dua kalimah sahaja. Murid mudah untuk mengingatinya.

Jadual 6.8 menunjukkan pencapaian baik bagi M1 dalam purata keseluruhan skor hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor mengikut ayat dengan 67.1% manakala pencapaian M2 dan M3 adalah sama iaitu sederhana tapi dengan kadar peratus yang sedikit berbeza. M2 dengan 61.4% dan M3 dengan 58.6%. Skor pencapaian ini amat dipengaruhi oleh tahap fokus murid ketika melakukan padanan. Murid menjadi keliru apabila murid terlalu bergantung pada bantuan nombor seperti sebelumnya. Pemantapan langkah ini perlu mendapat tahap fokus dan kerjasama yang baik daripada murid. M1 mempunyai tahap fokus dan emosi yang baik menjadikannya lebih mudah berbanding murid yang lain. M2 dan M3 mempunyai pencapaian sederhana kerana mereka tertukar pada beberapa padanan ayat. Penggunaan fail huffaz sangat membantu murid untuk membuat hafazan surah.

#### Peringkat keempat: Hafazan secara penulisan

Jadual 6.9

*Skor Hafazan secara penulisan*

Murid	Skor						
	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5	Ayat 6	Ayat 7
<b>M1</b>	55	68	55	50	42	38	32
<b>M2</b>	45	55	50	40	40	35	27
<b>M3</b>	45	38	30	32	28	25	20

Jadual 6.10

*Purata keseluruhan Skor Hafazan secara penulisan*

Murid	Skor	Pencapaian
<b>M1</b>	42.4	Sederhana
<b>M2</b>	41.7	Sederhana
<b>M3</b>	31.1	Lemah



Jadual 6.9 menunjukkan skor hafazan secara penulisan bagi ayat 1 hingga 7 daripada surah al-Fatihah. Murid M1 dan M2 memperolehi pencapaian sederhana dengan skor M1 ialah 42.4 dan M2 41.7, manakala M3 mendapat pencapaian lemah dengan skor hanya 31.1 sahaja. Pemantapan hafazan melalui penulisan kurang sesuai bagi murid Autisme non-verbal terutama pada ayat yang panjang iaitu ayat 6 dan 7. Jadual 6.10 menunjukkan bahawa skor hafazan penulisan bagi ketiga-tiga orang murid menurun berbanding ayat-ayat yang lain. Langkah pemantapan secara penulisan sesuai dilakukan terhadap yang tidak mempunyai masalah psikomotor halus dan berminat dengan penulisan. Jelas menunjukkan bahawa penggunaan fail huffaz bagi murid autisme non-verbal sangat membantu dalam pencapaian hafazan murid.

#### Peringkat kelima: Hafazan secara sebutan separa

Jadual 6.11

*Skor Hafazan secara sebutan separa*

Murid	Skor						
	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5	Ayat 6	Ayat 7
<b>M1</b>	58	65	50	57	45	39	34
<b>M2</b>	47	56	59	43	37	44	25
<b>M3</b>	45	45	48	39	35	28	22

Jadual 6.12

*Purata keseluruhan Skor Hafazan secara sebutan separa*

Murid	Skor	Pencapaian
<b>M1</b>	49.7	Sederhana
<b>M2</b>	44.4	Sederhana
<b>M3</b>	37.4	Lemah

Jadual di atas menunjukkan skor pencapaian murid dalam hafazan secara sebutan separa. Murid kajian adalah kategori murid autisme non-verbal. Mereka boleh membunyikan hujung kalimah atau ayat yang diperdengarkan mengikut kemampuan mereka. Namun langkah ini tidak menjadi pilihan murid autisme non-verbal kerana mereka tidak mampu untuk membuat kalimah secara penuh.

Jadual 6.11 menunjukkan purata keseluruhan skor hafazan secara sebutan separa bagi ayat 1 hingga 7 surah al-Fatihah. M1 dan M2 memperolehi pencapaian sederhana dengan skor masing-masing 49.7 dan 44.4. Manakala, M3 memperolehi pencapaian lemah. Ini menunjukkan bahawa M3 mempunyai tahap sebutan separa lebih rendah berbanding murid yang lain.

Kesimpulannya, murid bermasalah pertuturan lebih cenderung pada teknik padanan dan susunan ayat surah al-Fatihah menggunakan fail huffaz berbanding secara lisan dan penulisan. Penggunaan fail huffaz sangat membantu tahap pencapaian hafazan surah al-Fatihah murid.

#### PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian hubungan antara penggunaan Fail Huffaz Kaedah Tahfiz Akhyar dan hubungannya dengan pencapaian surah al-Fatihah dalam kalangan Murid Autisme Non-Verbal. Berikut merupakan perbincangan dapatan kajian secara terperinci.

Hasil dapatan daripada kajian yang telah dilakukan dapat melihat pencapaian hafazan surah al-Fatihah dengan menggunakan fail huffaz berkesan kepada murid yang mempunyai masalah pertuturan. Teknik padanan dan susunan ayat surah al-Fatihah telah menarik minat murid untuk menghafaz surah al-Fatihah. Teknik ini tidak memerlukan murid untuk memperdengarkan bacaan surah al-Fatihah, murid hanya perlu memadan dan menyusun setiap ayat mengikut susunan yang betul. Justeru, murid yang mempunyai masalah pertuturan tertarik untuk melakukannya kerana mereka tidak terbeban untuk bertutur. Dalam teknik padanan dan susunan ayat ini, guru beranggapan bahawa jika murid dapat memadan atau menyusun setiap ayat surah al-Fatihah



dengan susunan yang betul, murid telah mengingati ayat tersebut. Ini kerana, sekiranya murid tidak mengingati ayat tersebut, murid pasti tidak dapat menyusun atau memadan ayat dengan tepat.

Pencapaian hafazan murid sangat bergantung pada teknik yang digunakan oleh guru pada awal sebelum bermulanya proses hafazan mereka. Jika teknik yang digunakan menarik maka, murid akan memberikan kerjasama untuk menghafaz surah hafazan mereka. Emosi mereka juga dapat dikawal sekiranya murid tertarik dengan aktiviti yang dijalankan. Pencapaian murid dalam hafazan al-Quran sangat dipengaruhi oleh emosi murid pada sesi hafazan berjalan. Kemampuan mereka berbeza dengan murid tipikal yang lain kerana mereka mudah terganggu dengan suasana yang kurang selesa dan emosi juga tidak dapat dijangka secara tepat ketika proses pdp berjalan (Juwariah Hassan, 2009; Kamaliah, 2015; Hasnah Toran, 2012; Faisal Yatim, 2003; Nurul Nadhrhah, Nazean Jomhari & Zulkifli usoff, 2015).

Dapat dirumuskan bahawa Kaedah Tahfiz Akhyar banyak membantu dalam proses hafazan al-Quran bagi murid bermasalah pembelajaran autisme terutamanya murid *non-verbal* terutamanya pada langkah dua iaitu pemantapan hafazan. Teknik padanan dan susunan ayat surah hafazan boleh menarik minat murid untuk membuat hafazan surah. Cara pembuatan BBB fail Tahfiz Akhyar turut memainkan peranan dalam menarik minat murid. Fail huffaz yang di buat menggunakan lekapan velkro membuatkan murid seronok untuk menampal dan mencabutnya dengan mudah serta menghasilkan bunyi. Setiap murid mempunyai potensi yang perlu dicungkil oleh para guru dan ibu bapa agar mereka dapat sama-sama mempelajari, menguasai dan menghayati al-Quran. Mereka berpotensi untuk mempelajari dan mendalami al-Quran dengan baik (Ahsin Sakho Muhammad, 2015; Ahmad, 2015; Ab. Halim Tamuri, 2015; Noakyiree Mohd Raus & Nazean Jomhari, 2015; Ainizal, 2015).

#### IMPLIKASI

Penggunaan kaedah Tahfiz Akhyar dapat diaplikasikan oleh guru khususnya guru pendidikan khas murid autisme *non-verbal* dalam hafazan al-Quran. Guru pendidikan khas perlu lebih kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan BBB untuk menarik minat murid untuk mempelajari al-Quran. Guru perlu sentiasa melihat kecenderungan murid dan kekuatan murid agar dapat menghasilkan BBB yang bersesuaian dengan mereka. Oleh itu, proses hafazan akan berlangsung dengan lebih tersusun dan teratur apabila guru berjaya menarik minat murid untuk fokus.

Hal ini akan menjadi panduan kepada guru mengenai kaedah atau teknik pengajaran yang sesuai kepada murid. Guru juga tidak seharusnya meletakkan matlamat yang terlalu tinggi terhadap setiap murid dalam tempoh masa yang singkat kerana setiap murid berbeza. Selain itu, kesesuaian dan kepelbagaian penggunaan alatan teknologi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat menjadi panduan kepada guru khususnya guru pendidikan khas. Akhirnya akan meningkatkan lagi kualiti dan mutu pengajaran ke tahap yang lebih baik.

#### RUMUSAN

Kajian ini menumpukan kepada Pencapaian hafazan Kaedah Tahfiz Akhyar Hafazan Surah al-Fatihah dalam kalangan Murid Autisme Non-Verbal dengan penggunaan fail huffaz. Hakikatnya, setiap manusia mempunyai kelebihan tersendiri. Proses dan kaedah pembelajaran setiap orang tidak sama (Mohd Aris, 2007). Setiap manusia akan berfikir dan belajar dalam cara yang berbeza. Semua manusia mempunyai kekuatan tetapi kekuatan tersebut berbeza-beza antara seorang individu dengan individu yang lain, begitu juga dengan anak istimewa. Mereka perlu diberi peluang untuk mendekati al-Quran dengan kemampuan mereka.

Tuntasnya, penggunaan fail huffaz sangat membantu murid autisme non-verbal dalam meningkatkan hafazan surah al-Fatihah. Fail huffaz yang mudah dan ringkas dapat menarik minat murid untuk menghafal surah al-Fatihah dengan lebih baik. Sebagai pendidik, kepelbagaian teknik pembelajaran perlu dilakukan untuk menarik minat murid supaya lebih bersemangat untuk mempelajari al-Quran. Golongan ini juga mempunyai hak untuk mencintai al-Quran seperti anak-anak tipikal yang lain.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Najihat al-Hafiz (2001), "*Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*", Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.

Ab. Halim Tamuri, A. H., Razak, K. A., & Awaludin, S. (2010). *Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan Inovasi*.

Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61.

Hasan & Zulkifli. (2013). Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *Global Journal Al-Thaqafah*. 3. 10.7187/GJAT332013.03.01.

Hasnah Toran, H., Yunus, V., Yasin, M. H. M., Zain, M., & Wan, W. N. (2013). Support for parents of children with disabilities in malaysia. *Social Sciences (Pakistan)*, 8(2), 213-219.

Prof. Dr. KH. Ahsin Sakho Muhammad (2015). *Mendepani Kepelbagaian Kaedah Hafazan di Indonesia: Beberapa Metode Tahfiz Al-Quran Indonesia*, Simposium pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz (kali ke-4), Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Rahmat Hidayat, Candra Wijaya (2017), *Ayat-ayat suci al-quran tentang manajemen pendidikan islam*, Lembaga Peduli Pengembangan Pendidikan Indonesia

Norakyairee Mohd Raus, Noorjihan Jaafar, Nurul Asiah, & Ab. Halim Tamuri. (2013). *Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa: Guru sebagai murabbi*. Bengkel Modul Pembangunan Kelas Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa. Kuala Lumpur.

Nurul Nadhrah Kamauzaman, Nazean Jomhari & Zulkifli Mohd Yusoff (2015). *Digital ABAHATA Al-Jabari Method Using Lacip Skill Theory To Support Learning Al-Quran For Childeren With Low-Functioning Autism: A Review Towards Al-Quran Perspective*, QURANICA, International Journal of Quranic Reseach, Vol. 7, Issue 1, Pp. 1-16